

## Segala Amalan Adalah Berdasarkan Kepada Niat

(Adaptasi dari karya Ust Abu Naeilah)\*

**Hadith daripada Sayyidina Umar bin Al-Khattab r.a katanya, “Saya mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Segala amalan itu berdasarkan kepada niat, setiap orang memperoleh mengikut apa yang ia niatkan. Sesiapa yang niat hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya maka (ganjaran) hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya dan barangsiapa yang niat hijrahnya kepada dunia yang ia ingin perolehinya atau kepada perempuan yang ia ingin kahwininya maka pahala hijrahnya itu adalah kepada apa yang ia hijrahkan (niatkan)**

Pengertian niat dari segi bahasa ialah “memfokuskan kepada sesuatu”. Dari segi istilahnya, ulama berbeza pendapat tentang ta'rifnya. Antaranya ialah, “membuat satu keputusan di dalam hati serta terus melakukannya”. Ianya berbeza dengan azam kerana azam tidak mesti terus melakukannya. Inilah definisi niat yang diterima oleh kebanyakan ulama di dalam mazhab as-Syafi'e. Ia juga merupakan antara punca yang menyebabkan berlaku perbezaan pendapat di kalangan ulama Syafi'eyyah (ulama-ulama pendokong mazhab Syafi'e) berkenaan waktu untuk seseorang memulakan niat dalam sesuatu amalan. Namun begitu sesetengah ulama seperti Syeikh Ibrahim al-Kurdi tidak bersetuju dengan definisi ini. Perbezaan pendapat itu berdasarkan kepada sesetengah amalan niat dilakukan tanpa terus disusuli amalan tersebut seperti ibadat puasa. Kerana itu setengah ulama seperti Imam al-Baidhawi telah membuat satu definisi niat yang ringkas tapi lengkap. Beliau mengatakan bahawa niat adalah khusus kepada satu kehendak untuk melakukan suatu amalan atau memfokuskan suatu amalan dengan maksud untuk mencari keredhaan Allah ta'ala. Dari sinilah nyatanya hikmah perkataan yang digunakan oleh Nabi s.a.w. iaitu perkataan “niat” dan bukan perkataan “iradah” yang bermaksud kehendak. Daripada perkataan yang digunakan menunjukkan niat di sini bermaksud satu kehendak yang khusus serta mempunyai hubungkait dengan sesuatu yang menyampaikan amalan tersebut kepada maksudnya bukan semata-mata amal.

Maksud umum hadith di atas ialah kayu pengukur, piawaian atau kriteria untuk menghukum sesuatu amalan sama ada diterima atau ditolak, diberikan ganjaran pahala atau dosa adalah berdasarkan kepada niat pelaku amalan tersebut. Hadith ini juga membahagikan manusia berdasarkan amalan dan niatnya kepada dua iaitu seseorang yang melakukan sesuatu amalan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. dan seorang lagi yang melakukan suatu amalan adalah untuk kepentingan dan keinginan nafsunya. Maka hanya satu golongan memperoleh kejayaan dengan amalannya manakala satu lagi golongan tidak memperoleh apa-apa bahkan mendapat balasan buruk dengan amalannya.

Dari segi keperluan kepada ibadat, hadith ini merupakan asas kepada kewajipan niat sebelum menunaikan ibadat tersebut. Ini kerana di dalam hadith yang menerangkan kaifiat beberapa ibadat, tidak terdapat niat di dalamnya sebagai salah satu rukunnya. Contohnya sembahyang, hadith-hadith yang menerangkan kaifiatnya bermula daripada takbir dan bukan niat. Jadi, hadith ini walaupun secara “mantuq” (literal) tidak menyebutkan bahawa niat merupakan salah satu

rukun ibadat, tetapi secara “mafhum”nya (maksud tersiratnya) ia mengisyaratkan kepada perlunya niat.

Adalah dianjurkan supaya kita mengelakkan niat sebelum memulakan sesuatu kerja atau tugas yang penting dan hanya bermaksud untuk mencari keredhaan Allah semata-mata. Di antara kerja yang paling penting ialah yang berkaitan dengan agama kerana ia bukan sahaja untuk kehidupan dunia sahaja sebaliknya membawa ke akhirat. Kalaulah perkara dunia perlukan kepada keikhlasan dalam niat maka perkara akhirat adalah lebih patut diberikan penekanan ini.

Ulama berbeza pendapat dalam menghuraikan maksud “Segala amalan itu berdasarkan kepada niat”. Sebahagian ulama mengatakan ia bukan untuk menjelaskan hukum syara' iaitu sesuatu amalan itu mesti mempunyai niat tetapi sebaliknya ia sebagai “*mukaddimah 'aqliyyah*” (pendahuluan dari segi akal). Maksudnya ialah sebagai penjelasan bahawa setiap amalan yang bersifat “*ikhtiyariyyah*” (yang boleh dipilih) hanya berlaku dengan niat. Seterusnya bahagian kedua iaitu “Setiap orang memperolehi mengikut apa yang ia niatkan” pula sebagai “*mukaddimah syar 'iyyah*” iaitu untuk menjelaskan hukum syara'. Hukum tersebut ialah bahawa jika niat seseorang itu baik dan ikhlas maka ia akan memperolehi hasil atau ganjaran yang baik. Begitu juga sebaliknya jika niatnya tidak baik dan tidak ikhlas maka dia akan menerima balasan yang berbeza dari yang pertama.

Maksud ungkapan “amalan” ialah setiap yang berlaku atau dilakukan oleh seorang mukallaf sama ada dengan menggunakan lidah, anggota-anggota luaran dan hati. Amalan yang dimaksudkan berdasarkan hadith ini ialah amalan yang bersifat “*ikhtiyariyyah*” sahaja dan bukan amalan yang berlaku secara terpaksa atau tanpa disedari.

Perbincangan berkenaan niat di kalangan ulama berkisar pada tujuh aspek iaitu :

- 1) Hakikat
- 2) Hukum
- 3) Tempat
- 4) Masa
- 5) Kaifiat
- 6) Syarat
- 7) Maksud yang baik (daripada niat).

Pertama, hakikat niat adalah sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini dalam bab pengertian dan definisinya.

Kedua, hukum niat. Ulama tidak berselisih pendapat tentang wajib niat pada amalan yang disepakati sebagai ibadat seperti sembahyang, puasa dan seumpamanya. Tetapi mereka

berselisih pendapat tentang kewajipan niat pada amalan yang tidak disepakati sebagai ibadat. Contohnya, berwudhu', mandi dan memakai khuf, kerana Imam Abu Hanifah tidak mewajibkan wudhu' padanya. Beliau berpendapat ia bukan ibadat tetapi sebaliknya "wasilah" kepada ibadat.

Perbezaan pendapat tentang niat sebagai "rukun" atau "syarat" di dalam ibadat juga berlaku di kalangan ulama. Namun begitu golongan yang mengatakan ia adalah "syarat" adalah lebih sedikit berbanding dengan mereka yang mengatakan sebagai "rukun". Antara ulama yang mengatakan ia adalah "syarat" ialah Ibn Abu at-'Thoyyib dari kalangan Syafi'eyyah. Hujah mereka antara lain ialah jika niat merupakan "rukun" maka ia memerlukan kepada niat yang lain bagi amalan niat tersebut. Imam al-Ghazali juga termasuk dari kalangan ulama yang mengatakan ia adalah "syarat", termasuk di dalam sembahyang.

Perkara ketiga ialah berkenaan tempat niat iaitu di dalam hati. Kerana itu tidak memadai niat jika hanya dilafazkan pada lidah sahaja tetapi tidak di dalam hati. Kalau berlaku pertentangan niat antara lidah dan hati, maka yang dikira dan dijadikan sandaran ialah apa yang diniatkan dalam hati.

Seterusnya yang keempat ialah waktu niat. Sebahagian besar ulama Syafi'eyyah mengatakan waktu niat ialah di permulaan ibadat. Contohnya niat wudhu' adalah ketika membasuh muka kerana ia adalah permulaan rukun yang wajib. Waktu niat bagi sembahyang pula ialah pada ketika takbir bermula daripada sebutan huruf "hamzah" dan berterusan sehingga huruf "ra' ". Walaupun begitu di kalangan mereka terdapat perbezaan pendapat tentang kewajipan menghadirkan niat di dalam takbir. Imam an-Nawawi menyebutkan berkenaan perbezaan pendapat di kalangan ulama' Syafi'eyyah tentang perkara ini di dalam kitabnya iaitu:

"Imam as-Syafi'e r.h.m. berkata (sebagaimana yang dikemukakan) di dalam al-Mukhtasar: "Dan bila seseorang mengangkat takbiratul ihram dia hendaklah niat sembahyangnya dalam keadaan takbir, tidak boleh selepas dan sebelumnya"". Imam al-Ghazali dan ulama yang lain menukilkan berbeza dengan apa yang dinukilkan oleh Imam al-Muzani di dalam Mukhtasarnya. Mereka berkata, Imam as-Syafi'e berkata: "Dia hendaklah niat bersama takbir sebelum dan selepasnya". Ashab kita (ulama di dalam mazhab Syafi'e) mengatakan: "Disyaratkan penyertaan niat bersama permulaan takbir. Ulama Syafi'eyyah terbahagi kepada dua golongan dalam perselisihan pendapat berkenaan kaifiat "*muqaranah*" (niat bersama takbir). Golongan pertama berpendapat wajib memulakan niat di dalam hati ketika permulaan takbir dengan lidah dan selesai niat serentak dengan selesai takbir (al-muqaranah al-haqiqiyah). Pendapat yang "asah" (lebih kuat) daripada keduanya ialah tidak wajib bahkan tidak harus. Ini adalah dengan maksud supaya permulaan takbir dilakukan selepas sempurna niat. Berdasarkan kepada pendapat ini ashab Syafi'eyyah mengeluarkan dua pendapat pula. Pendapat pertama ialah pendapat Abu Mansur Ibnu Mihran yang mengatakan bahawa wajib mendahulukan niat seketika daripada permulaan takbir supaya tidak terlewat permulaan niat daripada permulaan takbir. Yang kedua dan inilah pendapat sahih di sisi kebanyakan ulama iaitu tidak wajib. Bahkan yang mesti diberikan perhatian ialah niat bersama dengan takbir sama ada mendahului (takbir) atau tidak dan wajib niat itu berterusan sehingga selesai takbir mengikut pendapat sahih. Di dalam masalah ini terdapat pendapat ashab yang lemah iaitu tidak wajib. Imam al-Haramain dan Imam al-Ghazali di dalam "al-Basith" dan kitabnya yang lain memilih pendapat tidak wajib

niat secara berterusan di dalam takbir (dari permulaan takbir sehingga akhirnya) dengan menghalusinya satu persatu. Tetapi sebaliknya sudah memadai menghadirkan niat secara umum di mana seseorang itu tidak lalai dan lupa apa yang dilakukannya ketika memulakan sembahyang. Menghadirkan niat seperti ini dari segi istilahnya dinamakan "al-muqaranah al-`urfiyyah". Pendapat inilah yang dipilih oleh kedua-duanya dan ia adalah pendapat yang terpilih.

Kemudian Imam an-Nawawi menambah: "Dan niat bermaksud fokuskan kepada sesuatu. Maka seseorang itu hendaklah menghadirkan dalam ingatannya sembahyang tersebut dan sifat-sifatnya yang wajib diingati pada ketika itu seperti zohor, fardhu dan sebagainya. Kemudian dia memfokuskan segala ingatan tersebut di permulaan takbir dan berterusan sehingga selesai takbir. Tidak wajib menyertakan (memulakan) niat selepas takbir. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad ibnu Hanbal berkata: "Harus mendahulukan seketika niat sebelum takbir sehingga seseorang itu tidak lupa bahawa ia sedang memulakan sembahyang".

Walaupun bagaimanapun begitu perbincangan yang dikemukakan di atas bukan berkisar kepada sebarang dalil daripada al-Quran atau sunnah. Ia hanya berkisar kepada pandangan imam as-Syafi'e r.h.m yang telah mengeluarkan definisinya tentang niat. Sementara itu imam-imam mazhab yang lain, mereka memberikan ta'rif niat berbeza daripada apa yang diberikan oleh imam as-Syafi'e. Kerana itu persoalan yang berlegar di kalangan ulama syafi'eyyah tidak berlaku di dalam mazhab yang lain. Perkara ini diakui sendiri oleh ulama di dalam mazhab as-Syafi'e. Antaranya apa yang telah disebutkan oleh Imam an-Nawawi sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini. Begitu juga pengarang kitab "Fath al-Mu'in" telah mengemukakan perkara sama bila ia menukilkan bahawa imam-imam tiga mazhab yang lain berpendapat harus mendahulukan sedikit niat sebelum takbir.

Begitu juga jika diterima pendapat golongan ulama yang mengatakan sabda Nabi s.a.w itu sebagai "mukaddimah 'aqliyyah" yang bermaksud Nabi s.a.w ingin menegaskan bahawa setiap perbuatan yang bersifat "ikhtiyariyyah" pasti berlaku dengan niat, maka ia lebih menepati golongan ulama yang mengatakan waktu niat itu sebelum sesuatu ibadat. Cuma mengulangi ingatan dan mengemaskini niat sebelum melakukan ibadat itu suatu yang baik supaya seseorang itu tidak lalai dari apa yang ia hendak lakukan. Jika dilihat pula kepada hakikat sembahyang itu sendiri iaitu suatu ibadat yang menggabungkan tiga anggota iaitu hati, lisan dan "jawarih" dalam setiap gerak geri, maka sepatutnya perkara yang terlintas di dalam hati pada ketika mengangkat takbir adalah kebesaran Allah ta'ala. Ia sesuai dengan apa yang dituturkan oleh lidah dan bentuk penyerahan pertama iaitu mengangkat tangan sebagai tanda awal penyerahan diri kepada kebesaran Allah. Apatah lagi jika niat itu sebagai syarat kepada sesuatu ibadat bukan rukun (sebagaimana perbincangan di atas) maka yang sesuai ialah berada di luar dari ibadat.

Yang kelima iaitu kaifiat niat dan ia berbeza mengikut bab. Niat wudhu' adalah dengan maksud untuk menghilangkan perkara yang mengharamkan ibadat iaitu hadas dan mengharuskan seseorang melakukan ibadat. Niat sembahyang pula ialah fokus kepada bentuk ibadat yang mengandungi beberapa bentuk zohir di samping melafazkan bacaan-bacaan tertentu dengan menghadirkan hati padanya. Niat haji pula ialah fokuskan terhadap beberapa bentuk ibadat menepati tempat-tempatnya sebagaimana yang telah ditetapkan. Niat puasa ialah fokuskan

untuk menahan diri daripada beberapa perkara dan niat zakat ialah bermaksud untuk mengeluarkan bahagian yang tertentu daripada harta.

Yang keenam ialah syarat niat iaitu "tamyiz", Islam, mengetahui sesuatu yang akan diniatkan di samping mempunyai kemampuan untuk melakukannya dan tidak melakukan perkara yang menafikan atau membatalkan niat seperti murtad dan niat memotong ibadat.

Perkara ketujuh berkaitan dengan niat yang merupakan suatu yang sangat penting ialah maksud niat. Antara maksudnya ialah untuk membezakan suatu amalan dengan amalan yang lain seperti antara sembahyang zohor dan asar atau antara sembahyang fardhu dan sunat. Kedua, untuk membezakan sesuatu ibadat dengan adat seperti mandi sebagai satu kebiasaan dan mandi yang sunat atau wajib atau seorang yang berada di masjid untuk beriktikaf atau hanya untuk berehat. Oleh sebab itu amalan yang tidak timbul kekeliruan samada ianya adat atau ibadat tidak mernerlukan kepada niat mengikut syarak. Ia termasuk amalan berkaitan dengan hati seperti beriman, takutkan Allah dan mengharap kepada Allah. Ketiga, untuk membezakan maksud daripada suatu ibadat dan inilah yang dikehendaki daripada hadith ini. Untuk mencapai "maksud" seseorang itu mestilah sentiasa menjaga niatnya dalam semua perbuatannya sama ada ia berbentuk ibadat khusus atau umum. Di samping itu perkara yang diniatkan olehnya bukan merupakan suatu yang dilarang oleh syara'.

---

Ungkapan kedua di dalam hadith ini iaitu "Seseorang itu memperolehi mengikut apa yang ia niatkan" adalah sebagai peringatan kepada ungkapan pertama. Kalau ungkapan pertama untuk menjelaskan bahawa suatu amalan yang bersifat "ikhtiyariyyah" mesti berlaku dengan niat, maka yang kedua adalah untuk memberi peringatan bahawa niat yang datang mestilah diiringi keihlasan kepada Allah supaya beroleh penerimaan yang baik daripada Allah ta'ala. Ia juga untuk menerangkan perbezaan antara niat yang buruk dan tercela serta membinasakan sesuatu amalan dan dengan niat yang baik lagi terpuji serta memberikan manfaat dan pahala kepada tuannya. Begitu juga baik atau buruk, diterima atau ditolak, diberi pahala atau tidak sesuatu amalan berdasarkan kepada niat. Semakna dengan hadith ini ialah hadith yang bermaksud:

"Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Kuda itu untuk tiga bahagian manusia. Seorang memperolehi pahala dengan kudanya, seorang yang lain pula kudanya menjadi perlindungan kepadanya dan orang yang ketiga kuda mendatangkan dosa kepadanya. Adapun orang yang mendapat pahala dengan kudanya ialah seorang yang memelihara kudanya pada jalan Allah lalu dia mengikat kuda itu di padang ragut atau taman. Segala perkara yang mengenai sepanjang talinya daripada padang ragut atau taman itu akan mendatangkan pahala kepada tuannya. Jika ia memutuskan talinya lalu ia melarikan diri ke satu atau dua tanah tinggi maka kesan-kesan dan najisnya menjadi kebaikan kepada tuannya. Dan jika ia merentasi satu sungai lalu dia minum dari sungai tersebut walaupun tuannya tidak berkeinginan untuk memberikannya minum dari sungai tersebut, ia tetap menjadi kebaikan kepadanya. Segalanya mendatangkan pahala kepada tuannya. Orang kedua memelihara kuda dengan maksud untuk mengelak diri daripada meminta-minta dengan orang lain supaya ia merasa cukup dengan apa yang ada dalam keadaan dia tidak lupa hak Allah pada tengkok dan

belakang, maka pelindung dan yang memenuhi keperluannya. Dan orang ketiga adalah seorang yang memelihara kudanya untuk berbangga-bangga dan menunjuk-nunjuk, maka kuda itu mendatangkan dosa kepadanya.” (Sahih Al-Bukhari: Bab Manusia dan Binatang Ternakan Minum Daripada Sungai)

Antara kesimpulan yang boleh diambil daripada petikan hadis ini ialah sesuatu amalan atau pekerjaan walaupun bukan merupakan ibadat khusus tetapi bila dilakukan dengan niat yang ikhlas akan diberikan ganjaran oleh Allah ta'ala. Contohnya seseorang yang melakukan tugas duniawi dengan niat melaksanakan amanah yang dipikul olehnya dan melaksanakan tuntutan agama. Bahkan seseorang yang mencari harta dengan maksud untuk mengelak diri dari meminta-minta dengan orang serta untuk menjaga maruah diri dan keluarga serta memberikan sedekah mana-mana yang lebih daripada keperluannya dikira sebagai amalan akhirat. Tetapi sebaliknya jika seseorang mengerjakan ibadat sebesar mana sekalipun seperti ibadat haji dalam keadaan yang mendorongnya adalah riya' maka ibadat itu tidak dikira sebagai amalan akhirat kerana ia melakukannya kerana manusia.

Antara contoh yang termasuk dalam katogeri ini ialah seorang yang mandi dengan maksud untuk memperolehi kecerdasan dalam beribadat, maka dia akan memperolehi pahala walaupun perbuatan mandi adalah perkara rutin hariannya.

Hadith ini juga menunjukkan bahawa menentukan sesuatu yang diniatkan adalah satu kewajipan. Ia dengan maksud supaya orang yang ingin melakukan sesuatu amalan dapat memahami dan mengetahui dengan jelas sesuatu yang akan dilakukannya. Begitu juga supaya tidak berlaku pertembungan antara niat dan amalan yang dikerjakan. Kesimpulan seterusnya ialah seseorang itu boleh melakukan sesuatu amalan dengan beberapa niat seperti pergi ke masjid dengan maksud untuk bersembahyang jemaah, menghadiri majlis ilmu yang diadakan dan mengeratkan ukhwah lalu semua niat tersebut akan dinilai oleh Allah ta'ala.

Kemudian niat yang baik di permulaan amalan hendaklah berterusan sehingga ke penghujungnya. Jikalau berlaku perubahan di tengah atau di akhir amalan dikhuatiri akan menyebabkan amalan tersebut akan terbatal atau berkurangan pahalanya. Nabi s.a.w bersabda:

Daripada Sahl bin Sa'ad katanya, Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya sesuatu amalan itu dikira berdasarkan kepada kesudahannya" (Sahih al-Bukhari – Bab Amalan Dikira Berdasarkan Kepada Kesudahan Sesuatu Amalan)

Begitu juga perbuatan seseorang yang bertentangan dengan niat yang baik juga boleh menyebabkan terbatal amalannya. Firman Allah ta'ala:

“Hai orang-orang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan mengungkit dan menyakiti (perasaan si penerima)”. (Al-Quran Surah al-Baqarah: 264)

Hadith ini juga menunjukkan amalan yang niatnya selain Allah atau yang bercampur antara kerana Allah dan selain-Nya juga dibalas mengikut sebagaimana niat tersebut. Kerana itu ulama membahagikan keikhlasan dalam beramal kepada beberapa katogeri. Antaranya

beramal dengan maksud keduniaan semata-mata seperti untuk menunjuk-nunjuk kepada orang ramai. Golongan yang beramal dengan maksud ini adalah golongan munafik sebagaimana firman Allah ta'ala berkenaan mereka, bermaksud,

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya) dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman) dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali.” (Al-Quran Surah an-Nisa': 142)

Dan firman-Nya:

“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari negerinya dengan berlagak sombong dan menunjuk-nunjuk (kekuatan mereka) kepada orang ramai (kerana hendak minta dipuji), serta mereka pula menghalang manusia dari jalan Allah dan (ingatlah Allah) Maha Meliputi pengetahuanNya akan apa yang mereka kerjakan”. (Al-Quran Surah al-Anfal: 47)

Beramal dengan maksud semata-mata riya' seperti ini mungkin tidak berlaku dalam melaksanakan kefardhuan sembahyang dan puasa. Akan tetapi ia mungkin berlaku pada ibadat seperti sedekah, haji wajib atau sunat dan amalan-amalan seumpamanya yang boleh dizohirkan dan amalan yang manfaatnya turut dirasai oleh orang lain. Ini disebabkan ikhlas pada amalan sedemikian adalah suatu yang sukar dan dibimbangi amalan seseorang akan binasa serta ia akan mendapat kemurkaan daripada Allah ta'ala. Kecuali bila seseorang menzohirkan amalan-amalan tersebut dengan maksud supaya ia menjadi galakan kepada orang lain. Namun begitu ia memerlukan kekuatan untuk memastikan amalan tersebut tetap semata-mata kerana Allah Ta'ala.

Kadang-kadang sesuatu amalan dilakukan kerana Allah tetapi niatnya bercampur baur dengan riya'. Jika perkongsian niat itu berlaku dari awal amalan maka nas-nas yang sah menunjukkan amalan tersebut batal dan sia-sia. Nabi s.a.w meriwayatkan sebuah qudsi yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Allah tabaraka wa ta'ala berfirman: "Aku tidak memerlukan kepada sebarang perkongsian daripada sekutu-sekutu. Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan dengan dia menyengutkan Aku dengan selain-Ku, Aku biarkan dia bersama dengan sekutunya". (Sahih Muslim: Bab Orang Yang Menyengutkan Allah dengan Amalannya)

Di dalam riwayat Ibnu Majah terdapat sedikit tambahan:

"Maka Aku berlepas diri darinya dan ia diserahkan kepada orang yang ia sekutkan (bersama Aku)". (Sunan Ibnu Majah: Bab Riya' Dan Sum'ah)

Semakna dengannya hadith yang lain yang maksudnya:

“Daripada Abu Sa'id bin Abi Fadhalah al-Ansari (dan ia adalah seorang sahabat) katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: "Bila Allah menghimpunkan manusia yang pertama dan akhir pada hari kiamat iaitu hari yang tidak ada keraguan padanya, seorang penyeru menyeru: "Sesiapa yang menyengutkan (Allah) dalam suatu amalan yang ia (sepatutnya) amalkan kerana Allah, maka hendaklah ia menuntut pahalanya daripada selain Allah. Kerana sesungguhnya Allah tidak memerlukan sekutu-sekutu untuk dikongsi". (Sunan Ibnu Majah: Bab Riya' Dan Sum'ah)

Di dalam riwayat yang lain Nabi s.a.w. memberikan gambaran yang lebih jelas lagi iaitu:

“Daripada Abu Umamah al-Bahili katanya: Ada seorang datang kepada Nabi s.a.w lalu berkata: "Apa pendapatmu tentang seorang yang berperang dengan maksud untuk memperolehi ganjaran (daripada Allah) dan untuk disebut-sebut, apakah yang akan ia perolehi? Rasulullah s.a.w bersabda: "Dia tidak memperolehi apa-apapun". Dia mengulangnya sebanyak tiga kali dengan Rasulullah s.a.w menjawab bahawa orang itu tidak memperolehi apa-apa. Kemudian baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak menerima sesuatu amalan kecuali yang ikhlas kepadanya semata-mata dan yang dicari keredhaan-Nya sahaja".

Al-Quran juga menjelaskan perkara yang sama:

“Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendaknya dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan) dan dia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak". (Al-Quran Surah as-Syura: 20)

Nabi s.a.w juga memberikan peringatan yang sama di dalam hadith yang lain, maksudnya,

“Daripada Ubay bin Ka'ab daripada Nabi s.a.w baginda bersabda: "Berikan berita gembira kepada umat ini akan memperolehi ketinggian, pertolongan dan keteguhan. Sesiapa dari kalangan mereka beramal dengan suatu amalan akhirat kerana dunia dia tidak akan memperolehi sebarang bahagian di akhirat". (Musnad Ahmad: Bab Hadith Abu Al-'Aliyah)

Pendapat di atas (iaitu suatu amalan yang bercampur dengan riya' akan sia-sia) diriwayatkan daripada satu golongan salaf seperti Ubadah bin as-Shamit, Abu ad-Darda', Hasan dan Sa'id bin al-Musayyab. Namun begitu terdapat ulama salaf yang berpendapat sebaliknya. Antaranya Imam Ahmad yang berpendapat bahawa pahala orang yang berniaga, mengambil upah berniaga dan penyewa adalah mengikut qadar keikhasan penglibatan mereka di dalam jihad. Dia tidak sama dengan seseorang yang berjihad dengan dirinya, hartanya yang tidak bercampur maksudnya dengan yang lain.

Ibnu `Umar berkata: "Bila seseorang kamu menghimpunkan niatnya untuk berperang lalu Allah memberikannya sesuatu rezeki maka tidak mengapa untuk dia mengambilnya. Tetapi jika seseorang jika diberikan dirham baru ia keluar berperang dan jika tidak diberikan dia tidak keluar berperang maka tiada kebaikan untuknya".

Terdapat riwayat daripada Mujahid bahawa dia berkata: "Haji orang yang mengambil upah



membawa barang, haji pekerja dan haji peniaga adalah sempurna. Tidak kurang pahala mereka sedikitpun. Ini berdasarkan maksud mereka yang asal".

Di kalangan ulama mutaakhirin terdapat perbezaan pendapat dalam masalah ini. Umpamanya seseorang yang berjihad dengan niat untuk berjihad di jalan Allah tetapi bercampur dengan niat yang lain selain riyah'. Keadaan tersebut seperti seorang yang berjihad tetapi juga bermaksud untuk mengambil upah (makan gaji) atau untuk mengambil sebahagian daripada ghanimah atau untuk berniaga maka pahala jihadnya akan berkurangan dan tidak batal atau sia-sia sepenuhnya. Antara dalil mereka ialah hadith yang maksudnya:

Daripada Abdullah bin `Amr r.a bahawa Rasulullah bersabda: "Mana-mana pejuang yang berjihad di jalan Allah lalu memperolehi ghanimah, maka mereka telah menyegerakan dua pertiga ganjaran mereka (di dunia ini) dengan tidak memperolehinya di akhirat dan mereka akan memperolehi baki satu pertiga (di akhirat). Jikalau dia tidak memperolehi ghanimah maka dia akan memperolehi ganjaran yang sempurna (di akhirat)". (Sahih Muslim: Bab Menerangkan Qadar Pahala Orang Yang Berperang Lalu Memperolehi Ghanimah Atau Tidak Memperolehi Ghanimah)

Sebagai pelengkap kepada hadith yang sangat penting ini, Nabi s.a.w mengemukakan satu amalan yang sangat penting di dalam Islam terutamanya di zaman baginda sebagai contoh. Pemilihan amalan hijrah sebagai contoh sebagai isyarat bahawa sebesar mana amalan sekalipun jika tidak ikhlas kepada Allah maka ianya akan sia-sia sahaja.

Hijrah dari satu sudut terbahagi kepada dua bahagian iaitu "hijrah zohiriyah" dan "hijrah bathiniyyah". Bahagian yang pertama pula terbahagi kepada dua juga iaitu: Pertama: "hijrah al-makan" iaitu berhijrah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Contohnya berhijrah dari satu tempat yang penuh dengan maksiat atau negeri kafir ke tempat yang penuh dengan ingatan kepada Allah atau Negara Islam, berhijrah dengan maksud untuk memberi kekuatan kepada Islam, berhijrah untuk mendalami ilmu agama dan sebagainya. Antara contohnya ialah hijrah sahabat-sahabat r.a ke Habsyah kemudian ke Madinah bersama Nabi s.a.w, hijrah sahabat-sahabat untuk bertemu Nabi s.a.w mempelajari agama, tabi'en bertemu sahabat untuk mengambil hadith dan sebagainya. Kedua: "Hijrah al-'aamil" iaitu meninggalkan orang yang beramal seperti meninggalkan atau memulaukan orang yang melakukan maksiat supaya dia meninggalkan perbuatan maksiatnya. Antara contoh hijrah seperti ini ialah meninggalkan tempat tidur isteri yang derhaka sebagaimana yang disebutkan oleh al-Quran, mafhumnya:

"Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar". (Al-Quran Surah an-Nisa': 34)

Dan meninggalkan orang yang mempermain-mainkan ayat-ayat Allah:

"Dan sesungguhnya Allah telahpun menurunkan kepada kamu (perintahNya) di dalam Kitab (Al-

Quran), iaitu: Apabila kamu mendengar ayat-ayat keterangan Allah diingkari dan diejek-ejek (oleh kaum kafir dan munafik), maka janganlah kamu duduk (bergaul) dengan mereka sehingga mereka masuk kepada memperkatakan soal yang lain; kerana sesungguhnya (jika kamu melakukan yang demikian), tentulah kamu sama seperti mereka."

Bahagian hijrah yang kedua pula ialah "hijrah bathiniyyah" iaitu hijrah dari segi batin seperti meninggalkan larangan Allah sebagaimana hadith yang bermaksud:

"Daripada Abdullah bin `Amr r.a. daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: "Orang yang berhijrah yang sebenar ialah orang yang meninggalkan larangan Allah". (Sahih al-Bukhari: Bab Orang Islam Itu ialah Orang Yang Mana Orang-orang Islam Yang Lain Terpelihara Daripada Gangguan Lidah Dan Tangannya)

Daripada Fadhalah bin Ubaid bahawa Rasulullah s.a.w bersabda pada haji wida': "Mahukah aku ceritakan kepada kamu siapakah muslim sebenar? Iaitu orang yang orang Islam yang selamat daripada kejahatan lidah dan tangannya. Mukmin sebenar ialah orang-orang yang manusia selamat daripadanya terhadap harta-harta dan nyawa-nyawa mereka dan orang yang berhijrah yang sebenar ialah orang yang meninggalkan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa". (Sunan Ibnu Majah: Bab Kemuliaan Darah Orang Mukmin Dan Hartanya)

Lawan kepada contoh hijrah dengan niat ikhlas kerana Allah dan rasul-Nya di dalam hadith ini ialah hijrah kerana dunia dan wanita. Pemilihan tersebut adalah kerana kedua-duanya merupakan fitnah yang besar kepada umat ini. Fitnah tersebut dijelaskan di dalam hadith bermaksud:

Daripada Ka'ab bin `Iyadh r.a. katanya: Saya mendengar Nabi s.a.w bersabda: "Setiap umat itu mempunyai ujiannya masing-masing dan fitnah untuk umatku adalah harta (dunia)". (Sunan at-Tirmizi: Bab Hadith Yang Datang Berkenaan Fitnah Umat Ini Adalah Harta)

Dan hadith:

Daripada Usamah bin Zaid r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya: "Tidak aku tinggalkan selepasku fitnah yang lebih merbahaya kepada lelaki daripada wanita". (Sahih al-Bukhari: Bab Keburukan Wanita Yang Mesti Dijauhkan)

Fitnah dunia merangkumi keinginan kepada harta, pangkat, kekuasaan, kebanggaan dan sebagainya. Allah ta'ala mengurniakan semua perkara tersebut kepada manusia sebagai ujian kepada mereka. Ada di kalangan manusia yang berjaya menghadapinya dan ada yang tewas. Antara ujian dunia yang disebutkan di dalam al-Quran ialah perbezaan kedudukan antara manusia. Firman Allah ta'ala, bermaksud,

"Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab siksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Al-Quran Surah al-An'am: 165)

Antara kesimpulan daripada hadith ini ialah fokus di dalam kehidupan ini adalah tiga perkara iaitu;

Pertama ialah “amal” dan ia difahami daripada ungkapan "Sesiapa yang hijrahnya".

Kedua ialah “niat”. Ia difaham daripada sabdaan "Kepada Allah dan rasul-Nya".

Dan yang ketiga ialah “natijah” yang difahami daripada ungkapan "Maka hijrahnya itu kepada Allah dan rasul-Nya".

*Adaptasi dari buku “Syarah Misykaat Al-Masaabiih 1 – Kitab Berkenaan Keimanan” nukilan Ust Abu Naaeilah. Buku ini diterbitkan oleh Darul Furqon Solution dan untuk tempahan boleh hubungi 019 951 5418.*